



POLISI ANTIRASUAH

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) komited untuk mencegah dan membanteras rasuah selaras dengan nilai integriti, ketelusan dan profesionalisme serta undang-undang yang berkuatkuasa.

Sehubungan dengan itu, LADA akan:

1. Menghalang dan melarang warga kerja daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah;
2. Mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan segala undang-undang yang terpakai dalam setiap aktiviti perkhidmatannya;
3. Memastikan semua warga kerja dan pihak berkepentingan mematuhi Polisi Antirasuah termasuk pengurusan risiko rasuah ke arah penambahbaikan berterusan;
4. Menyediakan saluran aduan bagi sebarang tindakan rasuah yang disyaki selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] di bawah kawal selia pendedahan maklumat LADA;
5. Menubuhkan satu badan bebas yang berfungsi untuk memastikan pematuhan kepada Polisi Antirasuah LADA; dan
6. Segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah atau pelanggaran integriti kepada Unit Integriti LADA atau pihak berkuasa berkaitan.

Setiap warga kerja adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan polisi ini. Sebarang pelanggaran terhadap polisi, prosedur dan lain-lain yang berkaitan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan peraturan berkuat kuasa.

DATUK SERI HAJI ISKANDAR BIN DATUK HAJI MOHD KAUS

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

10 Jun 2026